

BAB I : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di dunia ini, jumlah pelajar peringkat tinggi yang belajar di negara asing bertambah dengan pesat sejak tahun 1950. Ketika itu, adalah dianggarkan terdapat kira-kira 100,000 orang pelajar yang melanjutkan pengajian mereka di negara asing. Bilangan tersebut telah bertambah menjelang tahun 1960 kepada 250,000 orang malah ia telah meningkat lagi sebanyak empat kali ganda menjadi lebih daripada 1,000,000 orang pada dekad 1980-an. Cumings (1984:241) telah menganggarkan bahawa menjelang akhir tahun 2000, pelajar yang belajar di luar negeri akan mencapai jumlah sebanyak 2,500,000 orang. Pelajar-pelajar asing termasuk dari rautau pasifik iaitu dari Taiwan, Malaysia, Korea Selatan, Jepun, Hong Kong dan China cenderung melanjutkan pelajaran mereka ke Institusi pengajian tinggi di Kanada dan Amerika Syarikat.

Pada amnya, pelajar dari negara-negara Asia merupakan lebih daripada separuh jumlah besar pelajar asing di dunia ini berbanding dengan pelajar asing dari kawasan geografi yang lain. Menurut Whittaker (1987:243), fenomena pergerakan pelajar asing ini adalah dirangsangkan oleh konsep 'Internationalism' .

Di negara kita, angka terakhir pada tahun 1986 menunjukkan sejumlah 56,000 pelajar Malaysia sedang menuntut di luar negeri. Manakala pelajar yang membuat pengajian tinggi di tanah air sendiri pula berjumlah 52,000. Agihan mengikut negara ialah 25% (14,000) berada di Amerika Syarikat; 24%

(13,440) di England; 15.9% (8,900) di Kanada dan baki-baki-nya pula di Australia, New Zealand, Jepun, Taiwan dan nega-ra-negara Asia Tenggara.

Pada tahun 1980-an, ramai pelajar Malaysia telah berlumba-lumba masuk negeri Jepun dengan motif dan matlamat yang tersendiri. Menurut laporan kementerian Pendidikan Sains dan Kebudayaan Jepun (Monbusho), kira-kira 52.1% (683 pela-jar) adalah pelajar yang 'belajar secara saradiri' dan angka ini meningkat dengan pesat sekali setiap tahun. (Berita Harian, 10hb. Feb. 1991) Kini negara Jepun telah menjadi salah satu negara pilihan utama bagi pelajar kita yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negeri. Kecenderungan ini adalah sejajar dengan Dasar Pandang Ke Timur yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1981 dan polisi kerajaan Jepun yang mengamalkan konsep 'Internationalization'.

1.2 Objektif Kajian

Sejak kebelakangan ini, isu-isu yang bersabit dengan kehidupan pelajar asing di Jepun banyak diterbitkan dalam akhbar tempatan seperti masalah komunikasi, tekanan hidup, masalah kewangan, perlakuan devian dan sebagainya. Ini telah menarik perhatian dan minat pengkaji untuk mengkaji satu kumpulan aliran besar pelajar Malaysia di negara Jepun yang agak unik iaitu 'belajar secara saradiri'. Kajian itu bertujuan hendak mencari faktor-faktor penarik dan penolak pergerakan ini, proses penyesuaian hidup di Jepun serta

masalah yang berbangkit di kalangan pelajar Malaysia yang berada di sana. Pengkaji juga terdorong membuat kajian tersebut kerana isu tentang pelajar Malaysia yang 'belajar secara saradiri' belum pernah dikaji dan dilakukan selama ini.

Persoalan yang ingin pengkaji jawab di sini ialah mengapakah golongan pelajar Malaysia yang belajar secara saradiri masih berlumba-lumba masuk ke Jepun walaupun terdapat pelbagai cabaran, rintangan dan masalah yang perlu dihadapi.

1.3 Skop dan Kawasan Kajian

Kajian ini adalah mengenai pelajar-pelajar Malaysia di Jepun dan fokus kajian ialah pelajar yang menyara diri sendiri. Pelajar yang memegang biasiswa kerajaan Jepun dan biasiswa kerajaan Malaysia tidak dijadikan responden dalam penyelidikan ini.

Responden kajian ini ialah dua kategori pelajar yang diberi status tempat tinggal yang berbeza oleh Kementerian Pendidikan Jepun. iaitu :

- a. 'Pelajar Kolej'
- b. 'Pelajar Pra-Kolej'

Dari 64 responden, 39 adalah dari kategori a dan yang lainnya dari kategori b. (Lihat Bab 2.3)

Oleh kerana negeri Jepun luas, maka Tokyo telah dipilih sebagai kawasan kajian dalam penyelidikan ini. Pada Mei.1990, terdapat kira-kina 40,000 pelajar asing belajar di Jepun dan separuh daripada angka tersebut didapati di

kawasan Tokyo. Di samping itu, menurut statistik 1989, seramai 44,000 'Pelajar Pra-Kolej' pula sedang belajar di sekolah bahasa Jepun di Tokyo.(Tokyo Metropolitan Culture Foundation, 1991:2) Boleh dikatakan Tokyo merupakan kawasan kajian yang dapat mewakili populasi pelajar-pelajar asing di Jepun dan dianggap sebagai kawasan sesuai sekali bagi pengkaji untuk menjalankan penyelidikan ini.

Jepun adalah pulau yang panjang, rangkaianya sempit dan kelihatan seperti busur terletak di Barat-Daya arah ke Lautan Pasifik di sudut sebelah barat Benua Eropah. Luasnya kira-kira 372,000 kilometer persegi dan panjang dari utara ke selatan ialah 2,500 kilometer. Jepun mempunyai empat pulau utama ; Hokkaido, Honshu, Shikoku dan Kyushu. Honshu terbahagi kepada lima wilayah iaitu dari utara Tohoku, Kanto, Chubu, Kinki dan Chugoku. Tokyo terletak di wilayah Kanto dan 35° 41' garis lintang di sebelah utara khatulistiwa. Lokasinya ditunjukkan dalam peta (lampiran 2).

1.4 Tempoh Penyelidikan

Dalam usaha mendapatkan data, pengkaji memulakan kerja luar di Tokyo dari 3hb April 1991 hingga 25hb Jun 1991. Dalam tempoh ini, pengkaji telah melibatkan diri secara langsung untuk pemerhatian dan masuk ke dalam lingkungan kehidupan pelajar Malaysia di Tokyo.

Sejak April, pengkaji mula mencari responden untuk mengisikan borang soalselidik yang disediakan dan dibawa dari Malaysia serta menjalankan kajian secara temubual

formal dan tidak formal. Selain daripada itu, maklumat dari akhbar, buletin, majalah, risalah serta kajian perpustakaan dikumpulkan di tempat berkenaan. Umpamanya, pengkaji telah pergi ke Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Jepun (Monbusho), Association of International Education Jepun (A.I.E.J.), The Asian Students Cultural Association (A.B.K.) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Jepun (P.K.P.M.J.) untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan.

Selepas 83 hari di Tokyo, pengkaji telah pulang ke Kuala Lumpur untuk memasuki tahun akademik baru (sesi 1991/1992) yang dimulakan pada 7hb Julai 1991. Dalam tempoh masa ini, Pengkaji telah memproses data, menganalisis data, mencari sumber sekunder di badan-badan tertentu, menyunting data dan menulis laporan.

1.5 Metode Kajian

Ada empat cara yang digunakan bagi mengumpul bahan-bahan baik yang berbentuk kuantitatif atau kualitatif, iaitu;

- a. Soal Selidik
- b. Pemerhatian dan Penyertaan
- c. Temubual
- d. Rujukan Perpustakaan

A. Soal Selidik

Dua set soal selidik telah disediakan sebagai panduan untuk mencatatkan butir-butir jawapan dari responden.

1. Soal selidik I


Jenis soal selidik ini dikhaskan untuk pelajar Malaysia di Jepun sahaja. Ia dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut kategori maklumat data yang hendak dikutip, iaitu (1) Latar belakang responden, (2) Situasi pelajar Malaysia di Jepun, (3) Keadaan pekerjaan, (4) Pola pendapatan dan pola perbelanjaan, (5) Interaksi dan kegiatan sosial, (6) Taraf penguasaan bahasa Jepun dan pandangannya sebagai seorang pelajar saradiri .

Dalam soal selidik ini, terdapat seramai 64 orang pelajar Malaysia dijadikan responden. Sampel ini diagihkan antara Universiti (50%), sekolah bahasa Jepun (42.2%) dan sekolah Profesional/Teknikal (7.8%). Ini dapat dilihat dalam rajah 1 dan rajah 2.


2. Soal Selidik II

Jenis soal selidik ini dijawab oleh orang Jepun dengan tujuan hendak mengetahui pandangan mereka terhadap imej pelajar Malaysia di Jepun. Responden adalah terdiri daripada guru sekolah bahasa Jepun (21 orang), suri rumah-tangga (5 orang), pelajar (3 orang) dan lain-lain (9 orang).

Rajah 1 : Responden Mengikut Status Tempat Tinggal



Rajah 2 : Jenis Pusat Pengajian Tinggi Yang Diikuti



Kedua-dua soal selidik kajian ini mengandungi soalan-soalan berbentuk "Soalan Terbuka" serta "Soalan Tertutup". Jenis soalan aneka pilihan yang digunakan mempunyai jawapan yang standard, lebih mudah dianalisis dari soalan-soalan "terbuka". Walau bagaimanapun, jenis soalan "terbuka" ini sangat sesuai digunakan untuk memperolehi pandangan yang bernilai.

B. Pemerhatian dan Penyertaan

Semasa menjalankan kerja luar, pengkaji telah mengambil kursus bahasa Jepun di Meros Language School beralamat 3-7-1, Higashi-Ikebukuro, Toshima-ku dan tinggal di asrama bersama-sama dengan sekumpulan pelajar Malaysia di Itabashi-Honcho.

Dengan cara ini, pengkaji dapat bergaul dengan mereka secara lebih rapat dan dapat diterima sebagai salah seorang ahli kumpulan mereka. Oleh itu, pengkaji dapat merasakan kesulitan, masalah-masalah yang dihadapi dalam kehidupan harian serta tingkahlaku mereka. Kaedah ini telah mendatangkan kesan baik dalam kajian ini. Namun demikian, pengkaji sedar bahawa kaedah ini harus digunakan secara berhati-hati dimana nilai, sikap dan sentimen peribadi harus diketepikan supaya maklumat yang didapati mewakili sampel yang dikaji.

C. Temubual

Tujuan temubual ialah untuk mendapat data yang lengkap tentang perkara-perkara yang berhubung dengan mereka. Misalnya keadaan pekerjaan. Ini adalah untuk mengetahui

lebih mendalam lagi pandangan dan pendapat responden. Temubual ini biasanya dilakukan dalam keadaan 'informal'. Temubual 'formal' digunakan juga terutamanya dalam usaha untuk mendapat butir-butir mengenai P.K.P.M.J.

D. Kajian Dokumen dan Perpustakaan

Sebenarnya bahan bertulis mengenai topik kajian agak kurang. Namun demikian, pengkaji telah mengumpulkan dan mencari maklumat yang relevan di badan-badan yang berkenaan, seperti Monbusho, A.I.E.J., Ajia Bunka kaikan (ABK) dan pusat bimbingan pelajar asing. Ini telah memberi pengkaji satu gambaran yang lebih menyeluruh dan dapat dihubungkaitkan dalam kajian ini. Perpustakaan yang dijadikan tempat penyelidikan utama semasa di Tokyo adalah Perpustakaan Tokyo University, Perpustakaan Waseda University dan National Parliament Library of Japan. Selain dari itu, laporan-laporan, majalah, artikel, suratkhabar dan cetakan-cetakan kerajaan juga diselidiki.

1.6 Batasan dalam Penyelidikan

Sepanjang penyelidikan , pengkaji telah menghadapi beberapa masalah terutamanya semasa menjalankan kerja luar di Tokyo. Di antara kesulitan yang sering dihadapi adalah ;-

- a. Tidak Memahami Bahasa Jepun
- b. Perasaan Syak Wasangka responden
- C. Kesuntukan Masa
- d. Sample Responden

A. Tidak Memahami Bahasa Jepun

Pengkaji tidak begitu memahami bahasa Jepun. Selain daripada bahasa Jepun, taraf penguasaan bahasa Inggeris orang Jepun pula boleh dikatakan agak lemah. Oleh itu, pengkaji menghadapi masalah komunikasi. Kebanyakan buku rujukan yang bernilai adalah dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, pengkaji agak bernasib baik kerana mendapat bantuan pelajar Malaysia dan kawan orang Jepun yang telah menterjemahkan bahan-bahan penting ke bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Keadaan ini menjadi penghalang utama bagi pengkaji untuk menyempurnakan penyelidikan ini.

B. Perasaan Syak Wasangka

Dalam kajian lapangan, pelajar Malaysia saradiri di Tokyo merasa syak wasangka pada mulanya. Boleh dikatakan bahawa hampir semua pelajar saradiri adalah pelajar Malaysia dari etnik Cina. Walaupun pengkaji disifatkan menjalankan satu kajian dalam kumpulan etnik yang sama, tetapi hanya kerana pengkaji adalah seorang pelajar dari Universiti kerajaan (Universiti Malaya), maka ini telah dianggap oleh mereka sebagai seorang pegawai kerajaan atau pro-kerajaan untuk memeriksa mereka. Akibatnya responden tersebut cuba mengelakkan diri dari memberi maklumat yang sensitif dan peribadi.

Kebanyakan pelajar Malaysia memegang biasiswa kerajaan Jepun atau biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam di Malaysia adalah golongan pelajar Malaysia Melayu. Manakala

hampir semua pelajar saradiri adalah golongan pelajar Malaysia Cina. Dalam situasi yang sedemikian, mereka menganggap diri mereka tidak mendapat layanan serta perkhidmatan sosial yang adil dan sewajarnya dari pihak kerajaan. Lama-kelamaan, hal ini telah menyebabkan pelajar saradiri ini mengamalkan sikap 'Tidak Terbuka', bersikap takut percaya kepada orang lain. Ini merupakan satu fenomena sosio-psikologi yang wujud di kalangan pelajar saradiri di mana mereka sentiasa melindungi diri daripada orang yang tidak dikenali mereka.

Oleh itu, semasa menjalankan temuduga dengan responden, butir-butir yang bersifat peribadi seperti jumlah perbelanjaan, jumlah pendapatan dan kegiatan pekerja tidak diberi begitu tepat dan kurang ikhlas. Maka pengkaji terpaksa melakukan 'Cross-checking' berdasarkan maklumat yang diterima oleh kawan serta pemerhatian pengkaji sendiri yang berasaskan laporan atau maklumat badan-badan tertentu yang relevan.

C. Kesuntukan Masa

Tempoh kajian selama tiga bulan dari awal April hingga akhir Jun adalah tidak mencukupi untuk melengkapkan sebuah kajian. Kesuntukan masa juga mengakibatkan rujukan kepada bahan-bahan lain tidak meluas dan pengumpulan data yang kurang menyeluruh.

D. Sampel Responden

Cara soal selidik merupakan pengumpulan data yang utama bagi kajian ini. Namun demikian, pensampelan menjadi masalah disebabkan kesukaran menemui responden atas sebab kesuntukan masa, kontak dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji terpaksa menggunakan pensampelan 'snowball' sebagai satu strategi mendapat maklumat dengan seboleh mungkin untuk menjadi sampel 'snowball' itu sebagai sampel probabiliti, maka pengkaji cuba mencari sampel secara berlapis pada tiap-tiap peringkat pusat pengajian tinggi dan dibahagikan kepada tempat yang berlainan.

1.7 Konsep-konsep Utama

A. Konsep 'Belajar Secara Saradiri'

Untuk memahami kajian ini dengan lebih jelas, adalah penting bagi pengkaji untuk menerangkan erti sebenarnya konsep 'belajar secara saradiri' dalam kajian ini.

Menurut Longman Dictionary of Contemporary English :-
"Self-supporting --- earning enough money to pay its/ones costs without getting into debt or needing money from outside."

Seseorang pelajar yang 'belajar secara saradiri' mempunyai wang yang cukup untuk menyara diri sendiri tanpa bantuan dari orang lain. Sumber kewangan utama mereka didapati daripada pendapatan kerja sampingan (arubaito). Dalam perkataan bahasa Jepun, golongan tersebut disebut sebagai "jiji ryugakusei" (pelajar saradiri).

Dalam sistem struktur pelajar asing di Jepun, terdapat dua kumpulan pelajar utama, iaitu 'pelajar biasiswa Jepun' (Kokuhī ryugakusei) dan 'pelajar persendirian' (shihi ryugakusei). Kategori pelajar persendirian pula dibahagikan kepada lima kumpulan lain, iaitu ;


- (1) pelajar biasiswa kerajaan asing,
- (2) pelajar biasiswa prefectoral,
- (3) pelajar pertukaran,
- (4) pelajar biasiswa am, dan
- (5) pelajar saradiri.

Dari rajah 3, jelaslah didapati bahawa semua pelajar pra-kolej adalah pelajar saradiri, manakala satu kumpulan besar dalam kategori pelajar kolej adalah pelajar saradiri juga, iaitu pelajar yang tidak menerima sebarang biasiswa atau bantuan dari badan lain.

Kajian ini, menumpukan perhatian kepada pelajar saradiri sahaja. Namun demikian, beberapa persoalan selalu timbul, seperti adakah status seseorang pelajar saradiri kekal selamanya ? Bagaimana pula jika pelajar saradiri menerima biasiswa am atau bantuan kewangan dari badan-badan tertentu atau pihak ibubapa pada masa tertentu ?

Status seseorang pelajar saradiri bukan statik untuk selamanya. Ia mungkin mengalami perubahan apabila berpeluang mendapat biasiswa di Jepun. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, pengkaji telah menetapkan beberapa syarat bagi menyatakan seseorang pelajar adalah 'belajar secara saradiri', iaitu ;

Rajah 3 : Kategori Utama Bagi Pelajar Asing (dibahagi berdasarkan status Penempatan, biasiswa dan sebagainya.)



Sumber : "Living in Tokyo : Guide to foreign Students", Tokyo Metropolitan Culture Foundation. 1991 pg.9-10.

- a. Gaji yang diterima dari arubaito merupakan suatu sumber kewangan utama bagi menanggungkan segala perbelanjaan (termasuk yuran pengajian) hidup semasa belajar di Jepun.
- b. Pelajar itu mestilah tidak termasuk pelajar biasiswa Kerajaan Jepun, pelajar biasiswa kerajaan asing, pelajar biasiswa am, pelajar pertukaran dan pelajar yang menerima bantuan kewangan dari badan-badan tertentu.
- c. Bantuan kewangan dari pihak ahli keluarga hanya diperolehi bila menghadapi kesulitan kewangan. Jumlah yang diterima tidak boleh melebihi 50% dari jumlah perbelanjaan bersih.

B. Konsep 'Internationalization' Pendidikan Jepun

Sejak Jepun mengamalkan dasar buka pintu kepada dunia luar pada abad 19, secara langsung atau tidak langsung ia telah memaparkan konsep 'Internationalization' sebagai satu usaha negara untuk memperkuatkan diri dalam status order dunia. Ini lebih jelas kelihatan semasa zaman keemasan ekonominya pada 1960-an dan 1970-an yang dianggap sebagai 'Japanese Miracle'.

Menjelang abad ke 21, Jepun kini mempunyai pencapaian yang unggul dalam ekonomi dunia. Dalam masa yang sama, ia telah menambahkan tanggungjawab rakyat Jepun bagi memperkuatkan kedudukannya di dunia. Dengan peningkatan ekonomi yang pesat ini, orang Jepun menyedari bahawa:-

"Social and intellectual 'Internationalization' would have to accompany economic achievement." (Kitamura, 1983:12)

Oleh itu, pendidikan yang tinggi telah dianggap sebagai satu penyumbang penting dalam proses intellectual 'Internationalization'.(Cogan, 1985:175) Untuk mencapai matlamat tersebut, pada tahun 1983, satu jawatankuasa "Overseas Students Policies for the 21th Century" telah ditubuhkan dan dipimpin oleh Perdana Menteri Jepun, Yasahiro Nakasone.